

# Pembatalan sejajar dengan undang-undang

BH - 7 DEC 1988

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pendaftar Pertubuhan mengambil tindakan yang betul membatalkan pendaftaran Umno sejajar dengan keputusan Mahkamah bahawa parti itu sudah tidak sah.

Oleh itu, jika beliau yang juga Menteri Dalam Negeri membuat arahan yang bertentangan dengan keputusan mahkamah, bermakna beliau tidak menghormati keputusan mahkamah, katanya.

Beliau membuat penjelasan itu ketika Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berucap menggulung usul Tengku Razaleigh Hamzah (Bebas-Gua Musang) bagi membolehkan Rang Undang-undang Persendirian dikemukakan untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Perdana Menteri berkata, seseorang menteri, sekalipun berkuasa, tidak bermakna beliau boleh menggunakan kuasa itu sesuka hati.

"Kalau sesuatu perbuatan itu salah, maka bolehlah menteri itu memberi arahan supaya

perbuatan yang salah itu dibatalkan.

"Tetapi Pendaftar Pertubuhan telah mengambil tindakan yang betul kerana keputusan mahkamah menyatakan bahawa Umno sudah tidak sah," katanya.

Oleh itu, katanya, Pendaftar Pertubuhan berhak, mengikut kehendak undang-undang dan keputusan mahkamah, memansuhkan pendaftaran Umno yang sudah diharamkan itu.

## Pindaan

"Saya tidak ada sebab untuk menolak keputusan mahkamah yang dibuat secara sah atas permintaan dan tindakan oleh Kumpulan 11 yang disokong oleh orang-orang tertentu," katanya.

Sementara itu, Encik Ghafar berkata oleh kerana pendaftaran yang asal bagi Umno telah dibatalkan, maka ia tidak boleh dihidupkan semula kerana usul berkenaan tidak mempunyai peruntukan yang boleh mengarahkan pendaftar membatalkan Umno yang ada hari ini.

"Pendaftar tidak dapat mengharamkan sesebuah parti yang didaftarkan secara sah di sisi undang-undang," katanya.

Encik Ghafar berkata, Umno boleh diharamkan ketika Tunku Abdul Rahman menerajunya lagi, sekiranya ada 'orang' pada masa itu bersikap seperti Kumpulan 11.

Menurutnya, kumpulan itu sudah terlebih dahulu mengetahui bahawa adanya cawangan-cawangan Umno yang tidak berdaftar sebelum Perhimpunan Agung Umno, April tahun lalu, tetapi mereka tidak memberitahu pengerusi perhimpunan supaya membetulkan keadaan.

Beliau yang juga Timbalan Presiden parti berkata, dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Tertinggi yang diadakan sebelum perhimpunan agung, tidak seorang pun anggota MT membangkitkan soal cawangan parti yang tidak berdaftar.

Malahan, katanya, Perdana Menteri mengadakan tiga kali mesyuarat MT dalam tempoh sebulan sebelum perhimpunan agung berkenaan, semata-mata untuk memastikan ia berjalan lancar dan sempurna.

Bagimanapun, katanya, selepas perhimpunan agung, wujud keadaan seperti perumpamaan 'rumah siap pahat berbunyi'.

Encik Ghafar juga berkata, adalah tidak wajar dan tidak adil untuk meminda sesuatu undang-undang semata-mata untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan Umno tidak sah.

Katanya, tiada siapa pun, termasuk Presiden, Timbalan Presiden dan Ahli MT boleh membubarkan parti tanpa persetujuan semua ahli.

Beliau juga berkata Pendaftar menolak permohonan menubuhkan Umno Malaysia mengikut Seksyen 7 (3D) yang menghalang penggunaan dua nama yang sama bagi dua parti berlainan.

Sambil menyatakan rasa sedihnya terhadap tuduhan Tengku Razaleigh yang mengatakan pucuk pimpinan sekarang yang menyebabkan Umno 46 terkubur, beliau menjelaskan, jika usul itu diluluskan pun, Umno 46 tidak akan hidup semula.

"Oleh kerana pendaftaran asal Umno dibatalkan, ia tidak boleh hidup semula dengan hanya pindaan yang dibuat oleh wakil Gua Musang itu.